



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 4 Februari 2013

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BIL 3 TAHUN 2013**

PENGAMBILAN PELATIH INDUSTRI

Saya merujuk kepada perkara di atas.

Seperti yang sedia maklum, terdapat garis panduan pengambilan pelatih industri yang telah dikeluarkan UPSM pada tahun 2010.

2. Selaras dengan persetujuan MPT Bil. 14/2012 dan Bil 1/2013 berserta surat edaran JPA, terdapat beberapa pindaan dalam pengambilan pelatih industri.

3. Sehubungan itu, adalah dipersetujui dua (2) pindaan dibuat dalam garis panduan yang sedia ada iaitu:

- i. *Perkara (vi) – Bilangan pelatih industri di setiap Bahagian/Unit yang berkaitan boleh diambil tanpa sebarang had maksima tertakluk kelulusan Ketua UPSM.*
- ii. *Perkara (x) – Pembayaran saguhati latihan dibuat berdasarkan sokongan penyelia latihan industri di peringkat Bahagian/Unit tertakluk kepada RM15.00 sehari terhadap kepada maksimum 3 bulan.*

4. Pelaksanaan perkara ini adalah **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)

Y. Bhg. Ketua Pengarah LGM
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian